



## SIARAN AKHBAR

### KARNIVAL HARI USAHAWAN NEGERI PAHANG SEMARAKKAN BUDAYA KEUSAHAWANAN MASYARAKAT SETEMPAT

**Kuantan, 25 Jun 2023** – Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang sempena Minggu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) 2023 yang diadakan pada 23 hingga 25 Jun 2023 berjaya menyemarakkan budaya keusahawanan dalam kalangan masyarakat setempat. Pemilihan Serambi Teruntum, Kuantan sebagai lokasi penganjurannya pada tahun ini adalah bertepatan dengan tarikannya yang mengumpulkan produk makanan, tekstil, kraftangan dan hasil laut keluaran usahawan tempatan. Program tahunan yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pahang ini juga dianjurkan sebagai sokongan kepada Minggu Usahawan Negara (MUN) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Majlis penutup telah disempurnakan oleh YB Tuan Ir. Razali Bin Kassim, Exco FELDA, Koperasi dan Usahawan Negeri Pahang sebagai wakil rasmi kepada YAB Menteri Besar Pahang pada hari ini.

Minggu PMKS yang mula diperkenalkan pada 2012 bertujuan meningkatkan kesedaran umum tentang produk dan perkhidmatan PMKS daripada pelbagai industri serta memupuk budaya keusahawanan di kalangan masyarakat. Selain itu, Minggu PMKS juga menawarkan platform untuk hebahan maklumat mengenai pembiayaan dan program pembangunan PMKS yang ditawarkan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan. Secara tidak langsung, pengajuran Minggu PMKS juga turut mengiktiraf peranan dan sumbangan PMKS kepada pembangunan ekonomi negara.

Program ini juga turut mendapat sokongan dan pembabitan semua pihak yang terlibat dalam pembangunan PMKS termasuk Kementerian dan Agensi Kerajaan pusat, Agensi Pembangunan Usahawan Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, institusi kewangan, universiti, persatuan industri, syarikat-syarikat besar serta badan-badan

korporat seperti Pos Malaysia Berhad sebagai Rakan Kurier Rasmi dan Unifi Business, Telekom Malaysia Berhad (TM) yang merupakan Rakan Teknologi Eksklusif.

YBhg. Dato' Sri Suriani Binti Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha KUSKOP dalam ucapan aluannya berkata "Pada tahun 2021, 97.4 peratus perniagaan yang didaftarkan di Malaysia terdiri daripada PMKS, merangkumi jumlah keseluruhan melebihi 1.2 juta perniagaan. Pada tahun lalu, PMKS telah mencatatkan sumbangan sebanyak RM518.1 bilion atau 37.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 7.32 juta orang". Penekanan kepada kepentingan PMKS sebagai tunjang ekonomi negara ini adalah bertepatan dengan nilai teras Kemampanan dan Kesejahteraan dalam konteks pertumbuhan ekonomi di bawah kerangka Malaysia MADANI.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal Bin Nainy, "Penganjuran Minggu PMKS pada tahun lalu berjaya mencatatkan potensi jualan sebanyak RM69.7 juta melalui 578 sesi padanan perniagaan dan hasil jualan langsung sebanyak RM1.7 juta oleh PMKS yang telah menyertai pameran. SME Corp. Malaysia menjangkakan Minggu PMKS tahun ini akan berjaya mencapai sasarannya, sekurang-kurangnya RM70 juta potensi jualan keseluruhan daripada sesi padanan perniagaan dengan sejumlah RM10 juta daripada Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang sendiri".

Pada tahun ini, hampir 130 reruai disediakan untuk pameran dan karnival jualan yang turut disertai PMKS dari negeri Terengganu dan Kelantan. Pelbagai aktiviti menarik turut dilaksanakan seperti kuiz keusahawanan, selawat perdana, pertandingan mewarna dan pertunjukan fesyen kanak-kanak, penampilan maskot Didi & Friends, demonstrasi masakan dan kraftangan, acara larian dan berbasikal (*MB Fun Run & Ride*), persembahan buskers, konsert Gema Rakyat, E-Sports, zumba, sukan rakyat, pemeriksaan kesihatan serta cabutan bertuah.

YB Tuan Ir. Razali semasa Majlis Penutupan Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang juga telah menyampaikan Sijil Program Penarafan Daya Saing PKS untuk Peningkatan (SCORE) kepada PMKS Negeri Pahang bertaraf 4 Bintang dan replika cek Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (BEEP) di bawah SME Corp. Malaysia, serta Pembiayaan SPiM dan Geran DigitalBiz di bawah MARA. Turut hadir semasa Majlis

Penutupan Karnival Hari Usahawan Negeri Pahang ialah Encik Rithauden Bin Makip, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Dasar dan Penyelarasan) SME Corp. Malaysia.

Minggu PMKS dan MUN turut dilaksanakan secara serentak di beberapa lokasi iaitu di Melaka (Zon Selatan) dan di Sarawak susulan kejayaan penganjuran Peringkat Zon Utara di Pulau Pinang awal bulan ini. Kemuncaknya adalah sambutan MUN dan Minggu PMKS 2023 Peringkat Kebangsaan yang akan diadakan dari 7 hingga 9 Julai 2023 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.

**– TAMAT –**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), penyelaras program pembangunan PKS, penilaian ekonomi serta pengakreditasi PKS, pembangunan perniagaan dan program sokongan, dan juga fasilitasi akses PKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 1300-30-6000  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Strategik**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**Emel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**